



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***SUSUNAN TURUTAN INTERAKSI DALAM PROGRAM PENGACARAAN
WANITA HARI INI***

AZEAN IDRuwANI BT IDRUS

FBMK 2018 46



**SUSUNAN TURUTAN INTERAKSI DALAM PROGRAM PENGACARAAN
*WANITA HARI INI***

Oleh

AZEAN IDRuwANI BT IDRUS

**Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2018

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

SUSUNAN TURUTAN INTERAKSI DALAM PROGRAM PENGACARAAN *WANITA HARI INI*

Oleh

AZEAN IDRUWANI BT IDRUS

Mac 2018

Pengerusi : Profesor Madya Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD
Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi

Kajian ini mengkaji susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* berdasarkan pendekatan analisis perbualan. Program pengacaraan *Wanita Hari Ini* yang dikaji tertumpu pada ujaran antara pengacara dan orang yang diwawancara. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti struktur turutan interaksi, membincangkan susunan turutan interaksi dan menganalisis interaksi yang dominan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Dalam kajian ini, sebanyak 7 topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga* telah dipilih dan dianalisis berdasarkan kaedah analisis kandungan teks. Setiap ujaran dalam teks dianalisis menggunakan teori yang dipelopori oleh Heritage (1992), Model Struktur Interaksi oleh Asmah Hj. Omar (2010) dan unsur celahan oleh Roslina Mamat (2004). Prinsip susunan turutan interaksi yang menjadi kriteria penjelasan terdiri daripada pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, pasangan berdampingan, kecenderungan turutan yang disenangi, ketidakcenderungan turutan yang tidak disenangi, pra turutan, sisipan turutan, celahan dan penutup turutan yang terkandung dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Dapatan kajian menunjukkan perbualan dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* bukan sahaja mempunyai strukturnya yang tersendiri bahkan turut mengandungi kesemua sepuluh prinsip susunan turutan interaksi. Di samping itu, turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* turut didominasi oleh prinsip pasangan berdampingan. Dalam kajian ini juga didapati bahawa susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* bukan sahaja membantu dalam kelancaran berbahasa tetapi juga mewujudkan kefahaman dalam perbualan antara pemeran. Oleh itu, kemahiran untuk berinteraksi menggunakan susunan urutan interaksi perlu dipelajari dan dikuasai oleh pengguna bahasa.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**SEQUENCE ORGANIZATION in INTERACTION IN TALK SHOW
*WANITA HARI INI***

By

AZEAN IDRuwANI BT IDRUS

March 2018

Chairman : Associate Professor Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD
Faculty : Moden Language and Communication

This study examines the sequence of interactions in the *Wanita Hari Ini* program based on the analytical approach of the conversation. The focus of this study was on interactions between the host and the person being interviewed. The objectives of this study were to identify structures sequence interaction, to discuss the sequences of interactions and to analyze the dominant interactions in the *Wanita Hari Ini*. In this study, 7 topics from the *Asam Garam Rumah Tangga* segment were selected and analyzed based on the analysis method of textual content. Each interaction in the text is analyzed using a theory pioneered by Heritage (1992), Model of Interaction Structure by Asmah Hj. Omar (2010) and interruption elements by Roslina Mamat (2004). The principle of sequences of interaction that becomes the criteria of explanation consists of opening sequence, introduction of the cast, purpose statement, adjacency pair, preference sequence, dispreferred sequence, pre sequence, insertion sequence, interruption and closing sequence in the *Wanita Hari Ini* program. The findings show that interactions in the *Wanita Hari Ini* program not only have its own structure but also contain all the ten principles of interaction sequence order. In addition, the sequence of interactions in *Wanita Hari Ini* program is also dominated by adjacency pair. In this study it is also found that the sequence of interactions in the *Wanita Hari Ini* program not only helps in the fluency of the language but also creates understanding in conversations between actors. Therefore, the skills to interact with the order of interaction sequences need to be learned and mastered by language users.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang.
Selawat dan Salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan taufik dan hidayah-Nya saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini sebagai memenuhi syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. Saya ingin merakamkan penghargaan tidak terhingga dan setinggi-tinggi terima kasih kepada *Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif*, selaku Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan tesis saya yang sentiasa membimbing, menasihati dan mendoakan saya dari awal sehingga dapat menyiapkan tesis ini setelah melalui pelbagai dugaan dalam usaha menyempurnakannya. Ucapan penghargaan dan ucapan terima kasih juga ditujukan kepada *Dr. Nor Azuwan bt Yaakob* dan *Prof. Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar* selaku Ahli Jawatankuasa Penyeliaan serta *Prof. Normaliza bt Abdul Rahim* yang sentiasa memberi sokongan agar tesis saya berada pada landasan yang betul dan dapat disempurnakan sebaiknya. Semoga segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberikan oleh mereka akan dibalas dengan sebesar-besar ganjaran oleh Allah SWT. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak pengurusan dan pentadbiran UPM, terutamanya pihak Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi dan Sekolah Pengajian Siswazah UPM. Saya amat menghargai segala kerjasama dan bantuan yang telah diberikan kepada saya. Ucapan penghargaan dan terima kasih ini saya tujukan kepada *Ryans Mikhail* yang setia menemani sepanjang melewati noktah perjuangan ini. Doa restu mama *Hajah Nurul Aini bt Ibrahim* yang sentiasa mengiringi setiap langkahku. *Kakanda Nurul Hayati bt Idrus* yang sentiasa ada disisi dikala suka dan duka. *Dr. Sharil Nizam Sha'ri* keranamu perjuangan ini bermula. *Dr. Rohaidah bt Mashudi* #Yakin Boleh# kugenggam sepanjang perjuangan ini walaupun kadangkala semangatku goyah. *Zunizam Samat* idola kekuatanku dalam menempuh dugaan kehidupan ini. Keluarga sedarah sedagingku dan rakan taulan yang sentiasa mendoakanku dan semua pihak yang terlibat bagi membantu saya menyiapkan tesis Ijazah Doktor Falsafah.

Semoga Allah SWT menerima amalan saya dan anda semua.

Azean Idruwani Bt Idrus
GS 25640
PhD Bahasa Melayu
Fakulti Bahasa Melayu dan Komunikasi
UPM, Serdang, Selangor.
Mac 2018

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli-ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Ahmad Mahmood bin Musanif, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Mohd Azidan bin Abdul Jabar, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Nor Azuwan bt Yaakob, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik : Azean Idruwani bt Idrus, GS 25640

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Ahmad Mahmood bin Musanif

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Profesor Madya Dr. Mohd Azidan bin Abdul Jabar

Tandatangan: _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan: Dr. Nor Azuwan bt Yaakob

JADUAL KANDUNGAN

Muka surat

ABSTRAK	i
<i>ABSTRACT</i>	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI LAMPIRAN	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	Pengenalan	1
	Latar Belakang Kajian	1
	Penyataan Masalah	5
	Persoalan Kajian	6
	Objektif Kajian	6
	Kepentingan Kajian	6
	Batasan Kajian	7
	Definisi Operasional	8
	Susunan Turutan Interaksi	8
	Program Pengacaraan	9
	Kesimpulan	10
2	SOROTAN LITERATUR	11
	Pengenalan	11
	Sorotan Kajian tentang Interaksi dalam Program Pengacaraan	11
	Sorotan Kajian tentang Program Pengacaraan	14
	Kesimpulan	16
3	METODOLOGI	17
	Pengenalan	17
	Reka Bentuk Kajian	17
	Kaedah Kajian	17
	Memuat turun bahan	18
	Analisis kandungan teks	18
	Bahan Kajian	18
	Prosedur Kajian	22
	Kerangka Konseptual	22
	Konsep dan Kerangka Teori	24
	Teori Analisis Perbualan	24
	Pembuka turutan	24
	Pasangan berdampingan	25
	Sisipan turutan	26

	Pra turutan	26
	Kecenderungan turutan	27
	Penutup turutan	28
	Model Struktur Interaksi	30
	Pembuka turutan	30
	Pengenalan pemeran	30
	Pernyataan tujuan	31
	Tanya- Jawab	31
	Penutup turutan	31
	Unsur Celahan	31
	Penganalisan Data	33
	Kesimpulan	33
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	34
	Pengenalan	34
	Struktur turutan interaksi dalam program pengacaraan <i>Wanita Hari Ini</i>	34
	Susunan Turutan Interaksi dalam Program Pengacaraan <i>Wanita Hari Ini</i>	57
	Interaksi yang dominan dalam susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan <i>Wanita Hari Ini</i>	123
	Rasional Teori Dan Dapatan Kajian	125
	Implikasi	126
	Kesimpulan	127
5	KESIMPULAN	128
	Pengenalan	128
	Rumusan	128
	Cadangan Kajian Selanjutnya	129
	Penutup	129
	RUJUKAN	131
	LAMPIRAN	140
	BIODATA PELAJAR	189
	SENARAI PENERBITAN	190

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka surat
1	Kerangka Konseptual	23
2	Kerangka Susunan Turutan Interaksi Menurut Heritage (1992)	29
3	Kecenderungan Turutan yang Disenangi dan Ketidakcenderungan Turutan yang Tidak Disenangi	27
4	Strategi Pernyataan Ketidakcenderungan Turutan yang Tidak Disenangi	28
5	Kerangka Analisis Data	32

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran		Muka surat
1	Ciri-ciri Transkripsi Konvensional Jefferson (2004)	140
2	Transkripsi 1 : Jodoh Tanpa Restu	141
3	Transkripsi 2 : Hari-Hari Jatuh Cinta	146
4	Transkripsi 3: Suami Lepas Tangan Isteri Pemurah	152
5	Transkripsi 4 : Caras Milik Orang	160
6	Transkripsi 5 : Hidayah Ramadan	166
7	Transkripsi 6 :Belanja Raya Tanggungjawab Siapa	171
8	Transkripsi 7: Belanja Untuk Cantikkan Isteri	181

SENARAI SINGKATAN

ODW	Orang yang diwawancara
P(i)	Pengacara 1
P(ii)	Pengacara 2
Us	Ustaz Jazlan Muhammad
DD	Datuk Dr. Fadzilah Muhd Ali
DUs	Datuk Ustaz Zawawi Yusob
AAR	Adlin Aman Ramli
ER	Emelda Roslina
PSG	Puan Suzana Ghazali
PS	Puan Siti
Dr	Dr Tengku Asmadi Tengku Muhamad
BB	Betty Banafe
Luf	Lufya
PM	Perunding Motivasi
Ust	Ustaz
RNI	Datin Rebecca Nur Islam
AA	Awal Ashaari
NH	Norman Hakim
MS	Memey Suhaiza
DS	Datin Sharifah Shawati Syed Mohd
PWH	Puan Wanida Helmi

BAB 1

PENDAHULUAN

Pengenalan

Program pengacaraan merupakan perbualan yang dilakukan secara bersemuka dengan memasukkan elemen perbualan harian. Dalam program pengacaraan, perbualan menjadi unsur utama untuk menyampaikan tujuan serta pandangan tentang sesuatu perkara. Pengacara dan orang yang diwawancara (ODW) memainkan peranan yang signifikan dalam menjayakan sesebuah program pengacaraan. Justeru, kajian ini berfokus kepada susunan turutan interaksi antara pengacara dan ODW dalam segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang dikupas daripada program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

Dari sudut bahasanya kajian ini akan memperjelaskan susunan turutan interaksi yang terkandung dalam perbualan. Turutan interaksi tersebut berfungsi untuk menyampaikan maklumat seterusnya memastikan perbualan tersebut difahami. Walaupun perbualan merupakan peristiwa bahasa yang tidak formal, namun perbualan mempunyai peraturan, struktur dan turutan yang tertentu. Oleh itu kajian ini dilakukan sebagai usaha dalam merungkai susunan turutan interaksi yang mempunyai sifat yang teratur, iaitu dari segi peranan dan tindakan pemeran terhadap suatu interaksi yang berlaku secara semula jadi. Justeru pendekatan analisis perbualan digunakan sebagai konsep dasar. Melalui pendekatan analisis perbualan, prinsip yang terdapat dalam perbualan akan dijelaskan menggunakan teori analisis perbualan yang dipelopori oleh Heritage (1992).

Latar Belakang Kajian

Program pengacaraan televisyen dan radio bermula pada tahun 1951 di Amerika Syarikat dan berkembang menjadi medium dalam menyebarkan, memperoleh maklumat, fakta dan pandangan berkaitan sesuatu isu dan topik. Maklumat yang diperolehi itu bukan sahaja lebih segar, menarik dan bernyawa tetapi juga lebih eksklusif. Program pengacaraan turut memberi kesan kepada pendengar dan penuturnya kerana pengucapan dibuat secara langsung dan maklumat yang disampaikan boleh mempunyai tafsiran dan pengertian yang mendalam (Izani Daud, 1995: 809).

Secara umumnya, program pengacaraan *Wanita Hari Ini* merupakan wacana lisan tidak terancang kerana perbualan yang wujud ini tanpa mengikut skrip, atau mengikut skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus dan perbualan berlaku secara spontan. Wacana lisan ini bersifat mesra, informal dan lebih bersifat manusiawi. Dalam wacana lisan, ekspresi wajah, intonasi suara, gerak badan dan sebagainya turut berfungsi untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada

pendengar. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Potter & Wetherell yang memetik Gilbert & Mulkay (1984), iaitu :

“We will use “discourse” in its most open sense, following Gilbert and Mulkay (1984) to cover all forms of spoken interaction, formal and informal and written text of all kinds.” (1992: 70)

Program pengacaraan ini tidak terlepas daripada kerangka satu wacana dan merupakan interaksi yang berstruktur yang terdiri daripada pembuka, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, tanya jawab dan diakhiri dengan penutup (Asmah Hj. Omar, 2010: 13). Dalam pada itu, program pengacaraan *Wanita Hari Ini* merupakan interaksi keinstitusian (*institutional interaction*) yang berorientasi matlamat yang khusus (*specific goal-oriented*), iaitu membincangkan isu-isu berkaitan kewanitaan. Selain itu, program pengacaraan *Wanita Hari Ini* mengandungi sekatan khusus (*special constrains*) yang hanya memfokuskan pada perbualan yang menyumbang kepada topik yang dibincangkan berdasarkan kepada konteks keinstitusian yang khusus (*specific institutional context*) (Drew & Heritage, 2008: 224-5). Ketiga-tiga ciri ini menjadikan interaksi keinstitusian sebagai satu bentuk perbualan yang unik. Seterusnya, membolehkan penyampaian maklumat yang jelas dan mudah difahami.

Susunan turutan (*sequence organization*) merupakan turutan perbualan yang dihasilkan secara berturutan. Turutan perbualan ini wujud dalam bentuk berpasangan yang terdiri daripada bahagian pasangan pertama dan bahagian pasangan kedua. Bahagian pasangan pertama (*first pair part*) menyebabkan ujaran dalam bahagian pasangan kedua (*second pair part*) terjadi dan menimbulkan kesan yang khusus dalam perbualan seterusnya membawa kepada kesinambungan dalam proses sosial yang dikenali sebagai pasangan berdampingan.

Pasangan berdampingan (*adjacency pair*) adalah unit asas dalam pembinaan susunan turutan interaksi. Pasangan berdampingan memperlihatkan struktur dan keteraturan dalam perbualan yang menjadikan perbualan lebih teratur, terkawal dan bermakna. Melalui pasangan berdampingan, penyampaian maklumat dapat dilakukan secara tersusun dan sempurna. Secara lebih jelas, pasangan berdampingan bukan sahaja berkaitan dengan ujaran dan ikatan kenahuan bahasa, tetapi juga berkaitan dengan turutan perbualan yang wujud dalam kehidupan sebenar (Mey, 2001: 5). Menurut Hutchby & Wooffitt (2008: 44) pasangan berdampingan menunjukkan kesignifikannya dalam menganalisis perbualan kerana melalui persefahaman dapat dicapai dan dipamerkan dalam perbualan. Pasangan berdampingan ini perlu diberi perhatian bagi memastikan pemahaman yang jelas tentang bagaimana perbualan dapat memenuhi hasrat dan keperluan antara penutur. Selain daripada tanya-jawab dan pelawaan-penerimaan terdapat bentuk-bentuk pasangan berdampingan seperti aduan-permohonan maaf, tegur-sapa dan sebagainya.

Dalam pada itu, pasangan berdampingan turut berperanan dalam memahami hubungan sosial yang wujud dalam perbualan. Hubungan sosial ini terbentuk melalui hubungan timbal balik antara pemeran yang menjayakan sesuatu perbualan. Peranan pemeran mempengaruhi bentuk perbualan dan seterusnya dapat menyempurnakan dan menyelaraskan aktiviti perbualan sama ada dalam interaksi biasa atau dalam interaksi keinstitusian (*institutional interaction*) seperti program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

Program pengacaraan *Wanita Hari Ini* merupakan objek kajian yang menarik kerana mengandungi prinsip-prinsip susunan turutan interaksi di dalamnya. Khusus dalam penelitian ini, program yang dipilih ialah program pengacaraan *Wanita Hari Ini* yang memfokuskan perbincangan berkaitan isu semasa dalam rumah tangga. Segmen *Asam Garam Rumah Tangga* dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* dipilih kerana banyak membincangkan isu dan permasalahan dalam rumah tangga yang dihadapi oleh hampir setiap lapisan masyarakat. Sekiranya permasalahan dalam rumah tangga ini tidak dapat ditangani dengan baik dan matang, dibimbangi berlakunya perceraian ekoran masalah rumah tangga yang dihadapi (Abe Sophian Abdul Rahman et al., 2014: 288).

Program pengacaraan *Wanita Hari Ini* melibatkan proses menyoal dan menjawab. Pengacara berperanan mengendalikan, mengawal, mengutarakan soalan, meminta maklumat melalui serangkaian soalan bagi mendapatkan maklumat tentang isu yang dibincangkan manakala orang yang diwawancara pula bertindak sebagai pihak yang menjawab atau menjelaskan perkara yang dibincangkan. Oleh itu bahasa menjadi unsur utama dalam mengemudi perjalanan tanya-jawab tersebut. Keupayaan berbahasa dapat menghasilkan soalan dan jawapan yang bermutu, jelas, ringkas dan padat serta mudah difahami sekali gus menjadikan setiap pertanyaan yang dikemukakan selari dengan jawapan ataupun penjelasan yang dikehendaki.

Oleh itu kajian ini akan cuba meneliti susunan turutan interaksi yang terkandung dalam program pengacaraan tersebut. Kajian susunan turutan interaksi dapat dijelaskan sebagai satu unit bahasa yang melebihi batas ayat yang boleh terdiri daripada ayat dan ujaran yang berkonteks yang jelas menunjukkan wujudnya turutan fikiran dari segi penyampaian maklumat. Hakikatnya, analisis perbualan merupakan pendekatan struktural yang melihat bagaimana sesuatu perbualan itu bermula, berkembang dan berakhir. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Heritage (2008: 230):

In analyzing sequence, we essentially look at how particular courses of action are initiated and progressed and, as part of this, how particular action opportunities are opened and activated or withheld from and occluded.

Pendekatan struktural ini menumpukan kepada kecekapan dan pengetahuan penutur mempengaruhi kelakuan dan interpretasi kelakuan penutur yang lain dalam perbualan (Heritage, 1992: 241). Ini menjadikan perbualan lebih mudah difahami dan penyampaian maklumat tentang sesuatu isu dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Seterusnya, kesinambungan sesuatu perbualan melalui pengidentifikasian prinsip-prinsip turutan yang diterapkan pada ujaran tersebut dapat diketahui. Hal ini dapat dijelaskan berlandaskan teori analisis perbualan.

Susunan turutan interaksi dikutip dari sumber data yang diperoleh dari program pengacaraan *Wanita Hari Ini* yang bersiaran secara langsung di TV3 sepanjang tahun 2015. Justifikasi program pengacaraan ini diambil sebagai sumber data kerana program pengacaraan ini merupakan program yang berfokus kepada wanita dan isu yang dibincangkan berkisar kepada isu-isu kewanitaan. Justifikasi kutipan data pada tahun 2015 kerana tahun itu merupakan tahun pengkaji memulakan kajian dan dihadkan dari bulan Januari sehingga Disember. Data ini diperoleh daripada program pengacaraan yang bersiaran pada setiap hari Jumaat. Oleh itu jumlah tersebut perlu dihadkan. Oleh sebab pengkaji memilih susunan turutan interaksi hanya ujaran yang mengandungi susunan turutan interaksi sahaja yang dianalisis. Kutipan data dibuat dengan cara membuat penelitian setiap ujaran yang mengandungi susunan turutan interaksi yang diambil daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga*.

Penjelasan berdasarkan Teori Analisis Perbualan sebagai teori utama di samping model lain, iaitu Model Struktur Interaksi dan unsur celahan. Justifikasinya teori yang digunakan ini mampu menghuraikan susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan yang dipilih. Teori ini digunakan kerana memfokuskan kajian pada turutan interaksi yang digunakan oleh masyarakat bahasa tanpa mengubah atau memperbaiki ujaran yang diujarkan dan bukannya “betul” atau “tidak betul” bahasa (dari segi nahu) yang digunakan di dalam perbualan tersebut. Ujaran penutur dan pendengar diambil kira dalam menentukan maksud sebenar sesuatu bentuk bahasa kerana bahasa yang realistik adalah bahasa yang digunakan dalam kalangan penutur dan pendengar dalam perbualan seharian (Ahmad Mahmood Musanif, 2000: 7). Di samping itu, Teori Analisis Perbualan, Model Struktur Interaksi dan unsur celahan dapat menjelaskan kaedah analisis yang dilakukan pada susunan turutan interaksi yang terpilih.

Analisis data dibuat melalui data yang telah dirakam, ditranskrip dalam bentuk teks bertulis, kemudian data dianalisis untuk melihat susunan turutan interaksinya. Dapatan diperoleh daripada kajian ini dapat menjelaskan prinsip dalam susunan turutan interaksi seterusnya membolehkan pengguna bahasa memahami struktur ujaran yang diucapkan oleh penutur dalam perbualan. Ujaran yang diucapkan oleh penutur seharusnya dianalisis secara mendalam agar keteraturan ujaran antara pemeran yang mengambil bahagian dalam sesuatu peristiwa bahasa tergabung jalin dengan rapi dan seterusnya menggambarkan keteraturan fikiran antara penutur dengan pendengar dalam perbualan dari mula ujaran dinyatakan hinggalah ke akhir perbualan. Kajian menganalisis susunan turutan interaksi yang cuba diketengahkan

dapat menjadi pelengkap kepada kajian tentang penggunaan bahasa dalam konteks interaksi pertuturan yang sebenar dengan cara yang lebih menyeluruh.

Penyataan Masalah

Perbualan pada zahirnya, kelihatan seperti tidak berstruktur dan teratur. Namun begitu, struktur dalam perbualan tidak boleh dipisahkan kerana perbualan merupakan satu unit yang berkesinambungan, komprehensif dan berdasarkan konteks situasi ujaran (Asmah Hj. Omar, 2013: xi). Hakikatnya, untuk memahami struktur dalam perbualan tersebut bukanlah sesuatu proses yang mudah kerana sesebuah perbualan turut terikat dengan peraturan-peraturan sosial yang merupakan salah satu komponen dalam peraturan perbualan (Rohaidah Mashudi et al., 2017: 74). Justeru, timbul persoalan tentang proses perbualan yang berlaku, iaitu sama ada wujud atau tidak struktur perbualan yang berstruktur walaupun perbualan itu tidak sama sekali dirancang oleh pemeran perbualan.

Selain itu, jika diteliti dengan lebih mendalam perbualan yang diujarkan dalam program pengacaraan oleh pemeran bukanlah untuk tatapan mata, tetapi untuk telinga khalayak. Khalayak bukan sahaja perlu segera dapat memahami maksud dan mesej yang disampaikan, tetapi ujaran yang diujarkan hendaklah mudah difahami. Hal ini dikatakan demikian kerana khalayak biasanya tidak berpeluang untuk meneliti ayat demi ayat dan maksud yang disampaikan. Memandangkan khalayak tidak dapat merujuk kembali apa yang diujarkan, maka pengujarnya hendaklah memastikan makna dan mesej yang disampaikan dapat difahami sepintas lalu (Jeniri Amir, 2009a: 173). Justeru, pengetahuan dan penguasaan tentang turutan interaksi dalam memahami dan mengujarkan ujaran amat diperlukan. Pasangan berdampingan berperanan sebagai sebahagian daripada ciri dalam turutan perbualan yang menimbulkan kesinambungan dari awal hingga akhir perbualan (Schegloff, 2018: 1078). Kesinambungan dalam penyampaian maklumat yang teratur ini penting bagi memastikan keberkesanan maklumat yang disampaikan. Justeru, dalam kajian ini pengkaji melihat prinsip-prinsip dalam susunan turutan interaksi yang digunakan oleh pengacara dan orang yang diwawancara (ODW) dalam menghasilkan ujaran yang teratur, tepat dan menyeluruh.

Penemuan daripada kajian lalu juga telah menunjukkan wujudnya pendominasian dalam perbualan oleh pemeran dalam sesebuah program pengacaraan (Ohara dan Saft, 2003; Indah Arvianti, 2010). Pendominasian dalam perbualan menyebabkan kelancaran dalam perbualan terganggu akibat wujudnya celahan dan pertindanan dalam perbualan (Hanh, 2008; Indah Arvianti, 2010; Roslina Mamat, 2004). Hal ini menyebabkan ujaran penutur semasa sukar didengar dengan jelas dan ujaran penutur kedua pula tidak dapat didengar dan berlakunya kekaburan dalam penyampaian maklumat (Ohara dan Saft, 2003).

Fenomena inilah yang menjuruskan pengkaji untuk meneliti susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan. Ini memandangkan bahawa sehingga kini masih belum ada kajian yang menyentuh secara khusus berhubung dengan kajian seumpama ini. Dengan adanya kajian susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* dapat dilihat senario tentang pentingnya bidang ini. Ujaran-ujaran yang terdapat dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* dapat memberi gambaran tentang bagaimana susunan turutan interaksi wujud dan digunakan. Oleh hal yang demikian, penelitian yang terperinci terhadap turutan interaksi akan dapat membantu kelancaran dalam menyampaikan maklumat.

Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian yang berikut :

1. Apakah struktur turutan interaksi yang terdapat dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*?
2. Apakah susunan turutan interaksi yang terdapat dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*?
3. Apakah interaksi yang dominan dalam susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*?

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Secara khususnya, objektif kajian ini adalah untuk :

- i. mengenal pasti struktur turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.
- ii. membincangkan susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.
- iii. menganalisis interaksi yang dominan dalam susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*.

Kepentingan Kajian

Kajian ini bakal merungkai tentang wacana perbualan dalam program pengacaraan. Kajian wacana perbualan dianggap lebih menarik perhatian berbanding bentuk bahasa bertulis kerana secara nalurinya berbual atau bercakap lebih menyeronokkan dan lebih mudah daripada menulis atau membaca (Ahmad Mahmood Musanif, 2006: 75). Hal ini dikatakan demikian kerana perbualan mengandungi pelbagai bentuk turutan interaksi yang dihasilkan oleh penutur. Melaluinya penutur dan pendengar bagi sesebuah program pengacaraan akan dapat mengetahui susunan turutan

interaksi yang wujud dalam perbualan. Kesemua prinsip dalam turutan interaksi ini amat berguna untuk memahami keteraturan ujaran dan fikiran pemeran daripada mula ujaran diujarkan hinggalah ke akhir perbualan. Ini bukan sahaja menimbulkan keharmonian dalam perbualan bahkan membolehkan khalayak memahami kandungan program pengacaraan tersebut.

Penelitian kajian ini penting sebagai rujukan dan pengembangan konsep bagi peneliti lain untuk melakukan penelitian lebih lanjut dalam analisis perbualan dari konteks yang lain pula, sama ada yang bersifat teoris ataupun praktis. Manfaat yang bersifat teoris ini dapat mengembangkan penggunaan model susunan turutan interaksi dan seterusnya memberikan sumbangan pemikiran, tambahan maklumat, dan bahan rujukan untuk dilakukan dalam penelitian-penelitian lanjutan yang sejenisnya. Di samping itu, manfaat praktis penelitian ini berupa hasil penelitian yang diharapkan dapat membantu organisasi media penyiaran, terutamanya stesen televisyen untuk memahami dan menggunakan susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan serta pengguna bahasa dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi serta memahirkan diri dan profesionalisme dalam bidang pengacaraan.

Tajuk kajian ini dipilih atas beberapa sebab antaranya susunan turutan interaksi yang terkandung dalam wacana perbualan bukan sahaja memfokuskan kepada hubungan sosial yang tergambar dalam aktiviti perbualan tetapi juga aspek struktur perbualan yang terdiri daripada pembuka perbualan, isi perbualan dan penutup perbualan serta interaksi yang mendominasi dalam sesebuah perbualan dapat difahami. Hal ini seterusnya membantu pengguna bahasa bertindak balas dalam ujaran di samping memfokuskan tindakan turutan yang wujud dalam perbualan seterusnya membolehkan perkongsian maklumat tentang bahasa dan cara penggunaannya dalam kehidupan.

Oleh itu apabila pengkaji memilih aspek wacana perbualan bererti kajian dilakukan terhadap aspek struktur perbualan secara asasi diperjelaskan dan difokuskan kepada susunan turutan interaksi. Tambahan pula dalam kajian wacana perbualan merupakan satu perkara penting dalam mengenal pasti prinsip-prinsip turutan interaksi yang terdapat dalam perbualan.

Batasan Kajian

Kajian ini memberikan tumpuan pada susunan turutan interaksi. Kajian susunan turutan interaksi bersifat empiris, iaitu dengan menggunakan data yang diambil secara kesatuan dan tidak terpisah konteks wacana. Bahan kajian yang dipilih adalah daripada program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Sebanyak tujuh topik daripada segmen *Asam Garam Rumah Tangga* telah dijadikan sebagai bahan kajian. Segmen *Asam Garam Rumah Tangga* yang bersiaran pada tahun 2015 turut boleh ditonton melalui portal Tonton, iaitu <http://www.tonton.com/whi>.

Data-data daripada program pengacaraan *Wanita Hari Ini* yang terdiri daripada ujaran yang mengandungi susunan turutan interaksi akan dianalisis secara mendalam berdasarkan pendekatan Teori Analisis Perbualan oleh Heritage (1992) dan dirincikan mengikut Model Struktur Interaksi oleh Asmah Hj. Omar (2010) serta unsur celahan oleh Roslina Mamat (2004).

Dari sudut bidang, kajian ini hanya menumpukan pada susunan turutan interaksi dari sudut wacana, iaitu pembuka turutan, pengenalan pemeran, pernyataan tujuan, pasangan berdampingan, sisipan turutan, pra turutan, kecenderungan turutan yang disenangi, ketidakcenderungan turutan yang tidak disenangi, celahan dan penutup turutan. Bidang kajian ini tidak akan menyentuh aspek fonologi, morfologi atau sintaksis secara khusus kerana bidang tersebut di luar bidang kajian pengkaji walaupun kemungkinan banyak aspek menarik yang dapat ditemukan sekiranya kajian ini diperluaskan skop kajiannya.

Definisi Operasional

Oleh sebab kajian ini menumpukan perbincangan tentang susunan turutan interaksi, maka konsep susunan turutan interaksi akan dihuraikan terlebih dahulu sebagai asas perbincangan terhadap konsep-konsep lain yang akan timbul kemudiannya. Ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas

selari dengan kehendak disiplin dan bidang kajian agar terkawal serta tidak menyimpang daripada objektif yang telah digariskan. Berikut merupakan konsep-konsep asas kajian berdasarkan huraian operasional mengikut rangka pemikiran pengkaji dengan disokong oleh pendapat para sarjana bahasa.

Susunan Turutan Interaksi

Susunan turutan merujuk kepada tindakan yang direalisasikan melalui perbualan (Arminen, 2005: 658). Tindakan ini merupakan pengambilan giliran dalam perbualan yang saling berkait dan menimbulkan kesan yang khusus untuk giliran yang seterusnya (Hutchby, 2006: 173). Pengambilan giliran ini merupakan bentuk susunan turutan yang merujuk kepada bentuk, jenis tindakan atau ujaran yang diujarkan. Susunan turutan menfokuskan pada pengambilan giliran yang koheran, tersusun dan turutan tindakan yang teratur (Schegloff, 2010: 2). Turutan perbualan yang teratur dalam perbualan ini memperlihatkan susunan dalam turutan ujaran, iaitu bagaimana ujaran bermula, berkembang dan berakhir dalam penggunaan bahasa yang sebenar. Melalui turutan perbualan ini pemeran dapat mengetahui dan memahami apa-apa yang diujarkan dan seterusnya membolehkan turutan perbualan itu terkawal (Heritage, 2007: 10).

Dengan berdasarkan definisi di atas, susunan turutan merupakan turutan dalam perbualan yang melibatkan bentuk giliran perbualan antara dua pemeran yang berbeza. Susunan turutan melibatkan satu pihak bertutur dalam satu giliran masa dan menimbulkan kesan yang khusus dalam perbualan untuk giliran seterusnya. Ujaran yang terhasil adalah dalam bentuk berpasangan yang dikenali sebagai pasangan berdampingan (*adjacency pair*). Dalam pasangan berdampingan bahagian pasangan pertama memerlukan bahagian pasangan kedua. Ini bermakna jika bahagian pasangan pertama merupakan pertanyaan maka bahagian pasangan keduanya adalah jawapan.

Interaksi adalah perhubungan secara langsung mahupun tidak langsung dan berlaku sama ada secara sehalu atau dua hala, dalam bentuk pertuturan, pembacaan atau penulisan (Roslina Mamat et al., 2014: 57). Interaksi dihasilkan melalui media lisan dan menggunakan ekspresi wajah, intonasi, suara, gerak badan dan sebagainya untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada pendengar. Dalam setiap proses perbualan, penutur dan pendengar akan berinteraksi bagi menyampaikan dan mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Penutur dan pendengar akan cuba menggunakan maklumat bahasa untuk dijadikan input komunikasi supaya dapat dikongsi bersama-sama (Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2006: 111). Melalui interaksi, pemeran dapat mempengaruhi sikap, nilai dan kepercayaan orang-orang yang diajak bercakap dan berbual (Abdullah Hassan & Ainon Mohd, 2012: 23).

Sebagai rumusannya, interaksi merupakan bentuk wacana yang berlaku secara spontan antara pengacara dan ODW dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini*. Keduanya saling memberi reaksi dan maklum balas terhadap ujaran yang didengar. Penyaluran dan pertukaran maklumat melalui perbualan antara pengacara dan ODW bukan sahaja membolehkan penyampaian sesuatu maklumat dan pertukaran pendapat berlaku bahkan juga dapat menjalin hubungan sosial sesama manusia seterusnya mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

Program Pengacaraan

Program pengacaraan merupakan wacana lisan tidak terancang kerana perbualan berlaku secara spontan, iaitu tanpa mengikut skrip atau mengikut skrip tetapi tidak terikat kepada skrip seratus peratus (hanya sebagai rujukan). Asiah Sarji (manuskrip yang tidak diterbitkan) mendefinisikan program pengacaraan sebagai apa-apa bentuk program di mana sekurang-kurangnya 70% daripada siaran harus merangkumi unsur-unsur perbincangan. Menurut beliau, program pengacaraan haruslah mempunyai daya tarikan sendiri dari segi pilihan topik, cara persembahan, pemilihan tetamu, dan lain-lain. Siti Nurbaya Mohd Nor (2002: 7) pula mendefinisikan program pengacaraan sebagai program yang mengandungi tiga unsur utama, isu yang berkait rapat dengan penonton, pakar yang membincangkan isu tersebut dan tindak balas penonton dan pengacara dalam menyatakan pandangan mereka terhadap isu yang dibincangkan. Program pengacaraan ini membincangkan pelbagai aspek kehidupan masyarakat seperti isu-isu semasa, keagamaan, hiburan dan sebagainya.

Sebagai rumusannya, ternyata program pengacaraan merupakan perbualan antara pengacara dengan ODW yang mana melibatkan pertukaran idea, mendapatkan fakta, maklumat dan penjelasan lanjut tentang sesuatu isu atau perkara. Dalam program pengacaraan, perbualan yang berlaku adalah secara spontan dan berstruktur, iaitu pengacara menyoal dan jawapan atau reaksi tentang isu dan persoalan yang diperkatakan diperoleh daripada ODW. Hasil program pengacaraan itu akhirnya dikongsi dengan khalayak.

Kesimpulan

Kajian tentang susunan turutan interaksi dalam program pengacaraan *Wanita Hari Ini* menggunakan Teori Analisis Perbualan, Model Struktur Interaksi dan unsur celahan yang mengandungi prinsip-prinsip susunan turutan interaksi. Turutan perbualan ini penting, bukan sahaja membantu khalayak untuk memahami perbualan bahkan juga melancarkan perbualan. Usaha pengkaji menganalisis susunan turutan interaksi dapat memberi manfaat kepada pengguna bahasa khususnya dalam temu bual. Analisis yang dijalankan ini difokuskan kepada prinsip dalam susunan turutan interaksi kerana dalam kehidupan manusia sekurang-kurang sekali dalam hidup mereka akan menghadapi pengalaman temu bual ini.

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1987). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hassan. (2000). *Koleksi Pantun untuk Majlis Perkahwinan dan Persandingan Melayu*. Selangor: PTS Millenia Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2016). *Seni Bercakap-Cakap dan Berbual-bual*. Kuala Lumpur: PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abe Sophian Abdul Rahman, Zuliza Mohd Kusrin Anwar & Fakhri Omar. (2014). Faktor Penceraian Di Mahkamah Syariah Bahagian Mukah, Sarawak dari Tahun 2000 hingga 2010. *Jurnal Islamiyyat*, 36(1), 280-290.
- Agus Ganjar Runtiko. (2016). Analisis Percakapan Program *Indonesia Lawyers Club Episode* Negara Paceklik, Perokok Dicekik?. *Jurnal Penelitian Komunikasi*, 19(2), 137–150.
- Ahmad Izham Omar. (2012). *Menarik Media Prima 2012*. Diakses pada 11 Januari 2012, daripada <http://www.kosmo.com.my/kosmo>.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2000). Konsep Pertanyaan Dan Hubungannya Dengan Nilai-Nilai Budaya Masyarakat Melayu. Dlm. *Diverse Voices: Reading In Language, Literatures and Cultures*. Serdang, Selangor: UPM Press.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2001). Niat Pengucapan dalam Sintaksis dari Teori Lakuan Pertuturan. Dlm. *Monograf Bahasa, Sastra dan Budaya Melayu*. (Edisi 5., hal. 19-29). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2006). Analisis Perbualan: Konsep dan Pendekatan. Dlm. *Ujana Minda Jilid 1. Kumpulan Esei Bahasa, Sastra dan Komunikasi*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif. (2008). Konsep Pertanyaan Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44(12), 1318-1329.
- Amat Juhari Moain. (2007). *Sistem Panggilan dalam Bahasa Melayu: Suatu Analisis Sociolinguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Arbak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Arena Johari & Indirawati Zahid. (2016). Manifestasi Kesantunan Melayu dalam Ujaran Memberi dan Meminta Nasihat. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(2), 120-152.

- Arminen, I. (2005). Sequential order and sequence structure : the case of incommensurable studies on mobile phone calls. *Discourse Studies*, 7(6), 649-662.
- Asiah Sarji. (manuskrip). *Rancangan dan Penjadualan Rancangan Radio dan Televisyen*. Manuskrip yang tidak diterbitkan. Jabatan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asmah Hj Omar. (2008). *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Hj. Omar. (2009a). *Panduan Wacana Akademik Teori dan Penerapan*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2009b). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi Kelima. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2010). *Wacana Temu Duga dan Wawancara*. (Edisi Kedua). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- AsmahHj Omar. (2013). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2007). *Santun Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aziz Salleh. (2012). *Teknik Berkomunikasi dan Berinteraksi yang Efektif*. Kuala Lumpur: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Azman Azwan Azmawati & Juliana Abdul Wahab. (2005). Power and Patriarchy: Women's programmes on Malaysian Television. *Paper delivered at the 14th AMIC Annual Conference Media and Society in Asia: Transformation and Transition Beijing, People's Republic of China*.
- Bellack, A.A., H.M. Kliebard, R.T.Hyman, & F.L.Smith. (1966). *The Language of Classroom*. New York: Teacher College Press.
- BudieyIsma. (2015). *Wajah Baru di Wanita Hari Ini*. Diakses pada 24 Mei 2015, daripada [http:// www.budiey.com](http://www.budiey.com).
- Cutting, J. (2012). *Pragmatic and Discourse*. London: Routledge. Coulthard, M. (2014). *An Introduction to Discourse Analysis*. London: Longman.
- Drew, P., & Heritage, J. (2008). Analyzing Talk at work: An Introduction. In Drew, P. & Heritage, J. (Eds.) *Talk at Work*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Efilly, S., Arisanda Satya, D., & Renggi Elok Nur, A. (2017). Daya Tarik Acara Talk show "Ini Talk Show" di Net TV. *PROMEDIA*, 3(1), 149-161.

Eriyanto. (2001). *Analisis Wacana: Pengantar Analisis Teks Media*. Yogyakarta:LKiS.

Garfinkel, H. (1967). *Studies in Ethnomethodology*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Gilbert, G.N & Mulkay, M. (1984). *Opening Pandora's Box: A Sociological Analysis of Scientist Discourse*. Cambridge: Cambridge University Press.

Hanh, T.N. (2008). *Sequence Organization as Local and Longitudinal Achievement*. Text & Talk. 28(4), 501-528, diakses pada 25 April 2015, daripada <http://das.sageub.com/content>

Haslinda Saad. (2012). Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara. *Tesis Ph.D*. Universiti Putra Malaysia.

Hasuria Che Omar. (2009). *Kelestarian Bidang Penterjemahan*. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemahan Malaysia.

Hasuria Che Omar. (2012). Analisis wacana kritis dalam program televisyen Raja Lawak dan implikasinya terhadap psikososial audiens di Malaysia. *Jurnal Bahasa*, 12(1), 60-72.

Heri, M. (2018). Pasangan Berdampingan pada Ujaran Percakapan

Heritage, J. (1992). *Garfinkel and Ethnomethodology*. Cambridge: Polity Press.

Heritage, J. (2001). *Conversation: Linguistic Aspects*. in Elsevier Science Ltd. International Encyclopedia of the Social & Behavioral Sciences, diakses pada 20 March 2016, daripada www.psych.stanford.edu/herb/2000s/clark.iesbs.conv.pdf.

Heritage, J. (2002). The Limits of Questioning: Negative Interrogatives and Hostile Question Content. *Journal of Pragmatics*, 20(34),1427-1446.

Heritage, J. (2007). *Conversation Analysis. Sequence Organization. Preference, Pre-sequence and The Timing of Social Solidarity*. (Vol.2). London: Sage Publication.

Heritage, J. (2008). Conversation analysis and institutional talk: analyzing data. InD. Silverman (Eds.). *Qualitative Research: Theory, Method and Practice*. (2nd ed., p. 222-245). London: Sage Publication.

[http:// www.tonton.com/whi](http://www.tonton.com/whi). Diakses pada 24 Mei 2015.

[http:// www.facebook.com/whitv3](http://www.facebook.com/whitv3). Diakses pada 29 Mei 2015.

- Hutchby, I. (2006). *Media Talk. Conversation Analysis and The Study of Broadcasting*. Open University Press.
- Hutchby, I & R. Wooffitt. (2008). *Conversation Analysis*. (2nd ed.). Cambridge: Polity Press.
- Hymes, Dell. (2003). *Foundations in Sociolinguistics: An Ethnographic Approach*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- I. Djumhardan Moh. Surya. (1985). *Bimbingan dan Penyuluhan di Sekolah (Guidance & Counseling)*. Bandung: CV Ilmu.
- Idris Aman. (2009). Wacana dan Kepimpinan: Suatu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohammad. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.
- Indah Arvianti. (2010). Ideologi Konversasi (Studi Kasus pada Wawancara terhadap Barack Obama oleh Putra Nababan). *Majalah Ilmiah Informatika*, 1(1), 47-65.
- Indirawati Zahid. (2012). Kesantunan Melayu ke arah situasi bebas konflik. Dlm. Marlyna Maros, Mohammad Fadzeli Jaafar & Maslida Yusof (Eds.). *Prinsip dan Aplikasi Kesantunan Berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hamid. (2017). *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Izani Daud. (1995). Parameter yang Mempengaruhi dan Yang Dipengaruhi dalam Interaksi: Kajian Kes Berdasarkan pada *Communicative Activity Analysis*. *Jurnal Dewan Bahasa*, 39(9), 802- 809.
- Jamaliah Mohd. Ali. (2000). *Malaysian Student Seminar : A Study of Pragmatic Features in Verbal Interaction*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Jefferson, G. (2014). Glossary of Transcript Symbols with an Introduction. In G.H. Lerner (ed.) *Conversation Analysis: Studies from the First Generation*. Amsterdam and Philadelphia: John Benjamins. 13-31. (Also available at <http://www.liso.ucsb.edu/Jefferson>).
- Jeniri Amir. (2005). Siri Komunikasi Massa. *Teknik Wawancara. Panduan Untuk Wartawan, Penyiar TV, DJ Radio dan Penyelidik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (2009a). Bahasa Untuk Telinga Dlm. *Bahasa Negara dan Bangsa*. (hlm. 173-179). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jeniri Amir. (2009b). Kesedaran Bahasa. Dlm. *Bahasa Negara dan Bangsa*. (hlm. 50-57). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Juliana Abdul Wahab. (2011). Television Talk Shows and The Public Sphere. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication*, 27(2), 29-45.
- Kalthum Ibrahim & Nur Faezah Kamaruzaman. (2017). Kesantunan Bahasa dalam Rancangan Bual Bicara Meletop: Satu Kajian Sociolinguistik. *Jurnal Linguistik*, 21(2), 60-68.
- Kamus Dewan*. (Edisi Keempat). (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Knapp, M. L., Hart, R. P., Friedrich, G. W. and Shulman, G. M. (1973). The rhetoric of goodbye: Verbal and nonverbal correlates of human leave taking. *Speech Monographs*, 40, 182-98.
- Kod Kandungan: Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2004). Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Petaling Jaya
- Levinson, S.C. (2014). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Livia Paranita K. (2014). Sikap Masyarakat Surabaya Terhadap Tayangan *Talk show @Show Imah* di Trans TV. *Jurnal e-Komunikasi Program Studi Ilmu Komunikasi*. 2(1), 1-10.
- Luluk Ulasma. (2017). Variasi Bahasa dalam Acara Talk Show Mata Najwa Maret 2016 dan Implikasinya. *Jurnal Kata Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 4(1), 1-9.
- Malinowski, B. (1923). The Problem of Meaning in Primitive Language. Dlm. C.K. Ogden and I.A. Richards (Eds.) *The Meaning of Meaning*: Kegan Paul.
- Mariah Muda. (2007). Keterlibatan Audien Belia Awal Dengan Genre Didik-Hibur di Televisyen. *Tesis Ph.D.* Universiti Putra Malaysia.
- Marlyna Maros, Aslinda Johan, & Mohd Baharim Mayidin. (2016). Pola Sapaan Pelajar Lelaki dan Perempuan di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi : Satu Kajian Pragmatik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 10(2), 219-24.
- Martin, J.R. (1992). *English Text. System and Structure*. John Benjamins Publishing Company.
- McLaughlin, B. (1984). *Sequences in Conversation. How Talk is Organized*. London: Sage Publications.
- Md. Sabri b. Che Man. (2004). Wacana Wawancara Formal Bahasa Melayu: Satu Kajian Etnografi Komunikasi. *Tesis Ph.D.* Universiti Putra Malaysia.

- Md. Salleh Hassan dan Goh Shea Nee.(2008). Pola Penontonan dan Daya Tarikan Program Televisyen Wanita di Kalangan Audien. Dlm. *Cabaran Komunikasi Masa Kini*.(hal.18-25). Serdang, Selangor: UPM Press.
- Mey, Jacob.L. (2001).*Pragmatics: An Introduction. Second Edition*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Mustafa, A. Mughazy. (2007). Perspective on Arabic Linguistic XXI: *Paper from the twenty-first annual symposium on Arabic Linguistics*. Provo, Utah, Mac 2007.
- Mohd Abdul Nasir Abd.Latif. (2014). Wacana Komunikasi Dalam Al-Quran: Satu Analisis Terhadap Dialog Dua Hala. *Tesis Ph. D*. Universiti Malaya.
- Nababan.P.W.J. (2007). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Gramedia.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2010). *Tatabahasa Dewan*. (Edisi Ketiga). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nirinta Kinanti Agminanda. (2013). Persepsi Audiens Tentang *TALK SHOW KICK ANDY*. *Master Dissertation*. Universitas Brawijaya Malang.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (2008). *Linguistik, Teori dan Aplikasi*.Bangi :Penerbit UKM.
- Normaliza Abd. Rahim & Siti NorAliaa Roslan. (2012). Analisis perbualan pelajar dari tujuh negara di sekolah St Patrick Limerick, Ireland. *Jurnal Linguistik*, 15, 1-8.
- Nur Amirah Che Soh.(2015). Struktur Perbualan dalam Filem *ANAK BAPAK*.*Master Dissertation*.Universiti Putra Malaysia.
- Ohara, Y. & Saft, S. (2003).Using Conversation Analysis to Track Gender Ideologies in Social Interaction: Toward a Feminist Analysis of A Japanese phone-in Consultation TV Program.*In Discourse & Society*,14(2), 153-172.
- Paltridge, B. (2000). *Making Sense of Discourse Analysis*. Queensland: Gold Coast.
- Pardede Hilman. (2011). The Structure of Toba Batak Conversations. *TesisPh.D*. Universiti Sumatera Utara. Indonesia.
- Purba, Antilan. (2002). *Pragmatik Bahasa Indonesia*. Medan: USU Press.
- Raminah Sabrandan Rahim Syam. (1986). *Kajian Bahasa*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Richards, Jack C.,John Platt and Heidi Platt. (2011). *Longman Dictionary of Language Teaching and Applied Linguistics 2nd Ed*.Longman.

- Ritchie, J., Lewis, J. & Elan, R. (2014). *Qualitative Research Practice. A Guide For Social Science Students & Researchers*. (2nd ed.). London: Sage Publication.
- Rohaidah, M., Ahmad Mahmood, M., AdiYasran, A.A., & Hasnah, M. (2013). Faktor Kesopanan dan Strategi Komunikasi dalam Genre Perbincangan di Televisyen. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 13(3), 164-178.
- Rohaidah, M., Hawa, R., Siti Rasyidah, S., Sarinah, S., & Ahmad Mahmood, M. (2017). Peraturan Interaksi Peristiwa Komunikatif Wawancara dalam Akhbar. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(3), 71-85.
- Roslina Mamat. (2004). Analisis Perbualan Penutur Asli Bahasa Jepun: Satu Kajian Pengambilan Giliran dan *Aizuchi*. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya.
- Roslina Mamat, Roswati Abdul Rashid, Hazlina Abdul Halim, Normaliza Abd Rahim & NorShahila Mansor. (2014). Ciri-Ciri Perbualan dan Strategi Komunikasi Pemandu Pelancong Tempatan dalam Bahasa Jepun. *Jurnal Linguistik*, 18(2), 56-66.
- Sacks, H. (1964-72). Transcripts of unpublished lectures. Department of Sociology. University of California at Irvine.
- Sacks, H. (1971). Unpublished lectures. University of California, Irvine.
- Sacks, H. (1972). An initial investigation of the usability of conversational data for doing sociology. In D. Sudnow (Eds.). *Studies in social interaction*. (p. 7-55). New York: Free Press.
- Sacks, H., Schegloff, E., & Jefferson, G. (1974). A Simplest Systematic for the Organization of turn taking for conversation. *Language*, 50(4), 696-735.
- Sacks, H. (1992). *Lectures on conversation, Vols. 1 and 2*. Oxford: Blackwell Publishing.
- Sara Beden dan Indirawati Zahid. (2016). Pemetaan Struktur Peristiwa Bahasa: Komunikasi Bebas Konflik. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 16(1), 60-78.
- Sato Hirobumi @ Rahmat Abdullah. (1997). *Analisis Wacana Bahasa Melayu Klasik Berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah. Satu Pandangan dari Sudut Linguistik Struktural-Fungsian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sawaluddin Anis. (1992). Radio sebagai Alat Komunikasi Pembangunan: Satu Tinjauan Khalayak Radio 3 Pulau Pinang. *Jurnal Komunikasi*, 8(4), 79-89.
- Schegloff, E.A. & Sacks, H. (1973). Opening Up Closings. *Semiotica*, 8, 289-327.

- Schegloff, E.A. (1986). The routine as Achievement. *Human Studies*, 9:111-52
(1987a). Between macro and micro: Context and other connections. In J.C. Alexander, B.Giesen, R.Muench, & N.J.Smelser (Eds.), *The micro-macro link*. Berkeley: University of California Press.
- Schegloff, E.A. (1988). An Actual Virtual Servo-Mechanism for Guessing Bad News : A Single-Case Conjecture. *Social Problems*, 3, 442-457.
- Schegloff, E.A. (2018). Sequencing in Conversational Openings. In Gumperz and Hymes (Eds.). *Directions in Sociolinguistics*, Holt, Rinehart, New York. Originally published in *American Anthropologist*.120(1), 1075-9.
- Schegloff, E.A. (2010). *Sequence organization in interaction : A Primer in Conversation Analysis*. Cambridge, U.K: Cambridge University Press.
- Schiffrin, D. (1994). *Approach to Discourse*. Oxford UK and Cambridge U.S.A: Blackwell Publishing.
- Sinclair, J. McH and M. Coulthard. (1975). *Towards An Analysis of Discourse. The English Used by Teachers and Pupils*.Oxford University Press.
- SitiHatija Yusof. (2013). *Wanita Hari Ini Kini Berwajah Baru*. diakses pada 16.11.2015, daripada <http://www.budiey.com.wanita-hari-ini>.
- Siti Nurbaya Mohd Nor. (2002). Interruptions in Face to Face Interaction : An Analysis of Radio Talk Shows. *Master Dissertation*. Universiti Malaya.
- Siti Norsyahida Mohd A. Rashid. (2016). Bahasa Sindiran dalam Ujaran Video Blog.*Master Dissertation*.Universiti Putra Malaysia.
- Stenstrom, A.B. (2014). *An Introduction to Spoken Interaction*.London: Longman.
- Svartvik J, and Quirk R (eds). (1980). *A corpus of English Conversation* .Gleerup, Lund, Sweden.
- Tannen, D. (1990). *You just don't understand: Women and men in conversation*. New York: Ballantine Books.
- Tenas Effendy. (2011). *Kesantunan dan Semangat Melayu*. Pekanbaru: Pemerintah Kota Pekanbaru &T enasEffendy Foundation.
- Terjemahan Makna Surah Al Mu'min [40] Ayat (60). Diakses pada 24 Mei 2015, daripada <https://tafsirq.com/40-al-mumin/ayat-60>.
- Wardhaugh, K. (1991). *How Conversation Works*.Oxford: Blackwell Publishing.
- Wardhaugh, K. (2012). *An Introduction to Sociolinguistics*. Oxford: Blackwell Publishing.

- Wong, M.L.Y. (2010). Expression of Gratitude by Hong Kong Speakers of English. Research from the International Corpus of English in Hong Kong dalam *Journal of Pragmatics*, 42, 1243 - 1257
- Yule, G. (2008). *Pragmatic*. Oxford: Oxford University Press.
- Zaaba. (2002). *Ilmu Mengarang Melayu: Edisi Ejaan Rumi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2006). Peranan Konteks Dengan Gangguan Dalam Perbualan Kanak-Kanak. *Jurnal Dewan Bahasa*, 3(4), 104-119.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah dan Norizan Che Su. (2006). Kesantunan Berbahasa: Amalan Masyarakat di Malaysia dan di Thailand. *Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Etika dalam Profesion*. Petaling Jaya pada 7-8 Februari 2006.
- Zalina Adnan. (2000). Dialog Antara Watak Dalam Novel Di Hadapan Pulau. Satu Analisis Struktur Perbualan. *Master Dissertation*. Universiti Putra Malaysia.
- Zarina Ahmad. (2009). Keterampilan Bertutur Dalam Kalangan Pelajar Institut Pendidikan Guru Di Selangor. *Tesis Ph.D*. Universiti Putra Malaysia.
- Zimmerman, D. H., and West, C., (1975) Sex roles, interruptions and silences in conversation Language and sex: Difference and dominance. Stanford, CA: Stanford University Press.
- Zuraidah Mat Don dan Knowles, G. (2006). Prosody And Turn Taking in Malay Broadcast Interviews. *Journal of Pragmatics*, 38, 490-512. SumberScienceDirect.